

40 | setempat

18-08-2017
81

Rebah di kaunter

■ KP JPN meninggal ketika daftar untuk rawatan hospital

Hayati Ibrahim
dan Nur Syahirah Marzuki
am@hmetro.com.my

Putrajaya

“Arwah ayah sempat mengucapkan Allahutakbar sebelum tidak sedarkan diri ketika mendaftarkan diri di kaunter pendaftaran hospital awal pagi semalam (kelmarin),” kata Nur Izyan Anisah Abd Rahim, 22 tahun.

Nur Izyan Anisah adalah anak bongsu Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara Datuk Abd Rahim Ishak, 55, yang meninggal dunia jam 3.20 pagi semalam selepas mengadui sakit ulu hati.

Katanya, sebaik pulang dari surau jam 10 malam kelmarin, Allahyarham mengadui sakit ulu hati kepada ibunya, Datin Noorlida Bahar, 57.

“Emak mengurut dada ayah dan memberi minuman air panas namun arwah macam masih sakit dan tidak boleh tidur sebelum meminta emak menghantarnya ke hospital.

“Ketika dibawa ke hospital arwah gagahkan diri ke kaunter mendaftarkan diri sebelum tidak sedarkan secara tiba-tiba dan disahkan meninggal dunia pada jam 3.20 pagi,” katanya.

Nur Izyan Anisah berkata, Allahyarham tidak mempunyai penyakit kritis kecuali kolesterol dan darah tinggi.



FOTO: HAZREEN MOHAMAD

NOORLIDA menyiram air mawar di pusara suami di Tanah Perkuburan Bukit Mahkota, semalam. Gamber kecil, Abd Rahim.

“Pemergian arwah ayah sangat mengejutkan kami sekeluarga dan rakan lain kerana tiada perubahan yang ditunjukkan malah arwah ayah kehilahan sihat.

“Malah, saya dimaklumkan arwah sempat bergurau seperti biasa dengan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Tempatan (KPKE) Datuk Mohammad Mentek sebelum menghadiri majlis pecat tanah Projek Perumahan Rak-

yat (PPR) di Dengkil semalam (kelmarin),” katanya.

Allahyarham Abd Rahim meninggal dunia di Pusat Perubatan Nilai, Negeri Sembilan dan jenazah dibawa ke Hospital Serdang untuk dibedah siasat.

Jenazah dimandik, dikafan dan disembahyangkan di Hospital Serdang sebelum dikebumikan di Tanah Perkuburan Seksyen 5, Bandar Buloh Mahkota, Bangi, Selangor sebelum solat Zuhur. Allahyarham meninggal

kan seorang balu dan empat anak perempuan.

Abdul Rahim dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negeri Sembilan dan jenazah dibawa ke Hospital Serdang untuk dibedah siasat.

Allahyarham sebelum ini berkhidmat sebagai Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri selain pernah menjadi Pengarah Bahagian Awam, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur

HARIAN METRO

Sabah (ESSCOM).
Sementara itu, Menteri Kesihatan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar berkata, pemergian Allahyarham satu kehilangan kepada negara dan jasa beliau dalam perkhidmatan awam akan sentiasa dikenang.

Sepanjang perkhidmatan Abd Rahim di KPKE, beliau adalah pegawai yang cekap dan berdedikasi dalam melaksanakan Dasar Perumahan Negara.

“Berita pemergian Allahyarham sangat mengguncang seluruh warga kementerian. Saya dan seluruh warga KPKE mera-kamkan ucapan rakah kepada keluarga Allahyarham,” katanya.

Noh bersama-sama Timbalan Menteri Datuk Halimah Mohamed Sadique, Mohamad Mentek dan pegawai kementerian meluangkan masa merayakan jenazah dan menyertai upacara pengebumian.

FAKTA
Allahyarham
mengudu sakit
ulu hati